

ASIANAT MABA

2

1

Timur Tengah (2005)
Sindiket Macau Scam berpecah dan berkembang ke Timur Tengah dan beberapa negara lain

BEROPERASI MELALUI SISTEM SUARA PROTOKOL INTERNET (VOIP)

Sistem suara melalui protokol internet (VOIP)

Sistem ini dibangunkan oleh sindiket penipuan untuk membuat panggilan menerusi internet tanpa menggunakan telefon

VOIP boleh menggunakan nombor telefon sesiapa saja dan bertukar suara

Penggunaannya memerlukan jaringan internet yang sangat tinggi kerana proses sistem ini perlu berlangsung dengan pantas

Sistem dibangunkan oleh individu kemahiran tinggi dalam bidang teknologi maklumat

VOIP ialah aplikasi dalam pengenalan pemanggil (caller ID), Blackjack yang digunakan sindiket dari Afrika sebelum ini

3

Asia Tenggara (2005)
Bermula di Asia Tenggara pada 2005
Berjaya dibanteras di Asia Tenggara sebelum berpindah ke Timur Tengah

Malaysia (2007)
Membentuk rangkaian sindiket



Pembawa dan pembekal VoIP

BAGAIMANA VOIP BERFUNGSI



RANGKAIAN SINDIKET



PERANCANG UTAMA

Melatih ahli sindiket daripada pelbagai negara untuk bertugas di markas



PEMANGGIL

Ditempatkan dalam satu markas yang ditugaskan membuat panggilan kepada mangsa dengan menyamar sebagai pegawai PDRM, SPRM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), mahkamah dan bank



PENGUMPUL AKAUN

Mengiklankan untuk mencari pekerja. Ada sesi temu duga dan pekerja terpilih diarahkan membuka akaun bagi menyimpan sementara wang mangsa. Pekerja turut dijanjikan bayaran RM200 hingga RM500 sebulan bagi tujuan mengelak cukai



PENGUMPUL WANG

Membuat transaksi lain dan meletakkan wang mangsa ke pelbagai akaun bagi mengelirukan pihak berkuasa yang menjalankan siasatan

Hanya menggunakan sistem suara melalui protokol internet (VOIP), sindiket Macau Scam dapat memperdayakan ramai mangsa termasuk golongan profesional.

Malah, kelicikan sindiket ini menipu menyebabkan ribuan mangsa kerugian ratusan juta ringgit.

Pelbagai taktik digunakan kumpulan jenayah terancang ini untuk meloloskan diri daripada dikesan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Namun, PDRM terus giat menjejak kumpulan ini yang

didalangi sindiket dari Asia Tenggara dan Timur Tengah.

Infografik minggu ini berkongsi lebih lanjut berkaitan sindiket Macau Scam termasuk taktik digunakan untuk memperdayakan mangsa dan kejayaan PDRM dalam membanteras jenayah ini.

PUNCA UTAMA MANGSA **DITIPU**

- Kurang pengetahuan
- Mudah percaya
- Tidak membuat semakan
- Mudah panik

METRO AHAD
20/09/2020 M/S

24/25

LANGKAH ELAK DITIPU SINDIKET


Jangan layan panggilan meragukan

Sentiasa ingat agensi kerajaan dan institusi kewangan tidak menggunakan akaun individu untuk urusan pemindahan wang

Jangan mudah percaya cerita disampaikan sindiket

Jangan dedahkan maklumat akaun bank

Semak akaun bank berkaitan digunakan sindiket menggunakan portal:

semak mule 



MACAU SCAM

CARTA ALIRAN MACAU SCAM

A SUSPEK PERTAMA

Menghubungi mangsa dengan memperkenalkan dirinya sebagai pegawai bank

A1 Suspek pertama menghubungi mangsa dan mendakwa mangsa menggunakan kad kredit untuk membeli barangan

A2 Mangsa menafikan dakwaan itu

WANG PENIPUAN

Diagihkan kepada ahli sindiket Macau Scam

SUSPEK UTAMA

Merancang penipuan

E SUSPEK KELIMA

Akan mengeluarkan wang berkenaan daripada akaun dan menyerahkan kepada suspek utama

E1 Semua wang diserahkan kepada suspek utama



B SUSPEK KEDUA

Menghubungi mangsa dengan memperkenalkan diri sebagai pegawai bank

B1 Suspek kedua memberi tahu mangsa terabit dalam aktiviti jenayah dan akaun bank mangsa akan dibekukan di bawah siasatan polis



A



C SUSPEK KETIGA

Menghubungi mangsa dan memperkenalkan dirinya sebagai pegawai polis

C1 Suspek ketiga menghubungi mangsa dengan memberitahu mangsa terabit dalam jenayah dan perlu memindahkan sejumlah wang ke akaun yang diberikan bagi menyelesaikan masalah itu



D SUSPEK KEEMPAT

Mencari pemilik akaun (mangsa) melalui iklan pekerjaan

D1 Suspek mengambil akaun bank mangsa

D2 Suspek menggunakan akaun bank mangsa untuk tujuan menipu

Mangsa memindahkan wang ke dalam akaun yang diberikan oleh suspek

Mangsa akan menandatangani semua wang ke dalam akaun yang diberikan oleh suspek



**WARTAWAN
NOR'ASYIKIN MAT HAYIN**
asyikin.mat@hmetro.com.my

**GRAFIK
FAHMY HASHIM**
m.fahmy@mediaprima.com.my



TAKTIK

- Cabutan bertuah/loteri
- Menyamar pegawai polis/ mahkamah
- Menyamar pegawai daripada unit kad kredit pelbagai bank
- Tipu culik
- Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
- Jabatan Kastan Diraja Malaysia
- Pejabat Pos Malaysia
- Saman polis

TIPU CULIK

Mangsa menerima panggilan telefon dan terdengar jeritan suara seorang kanak-kanak meminta pertolongan kerana diculik

Suspek memberitahu anak mangsa diculik dan perlu membayar wang tebusan

Suspek memaksa mangsa memindahkan wang tebusan ke akaun suspek

Kemudian mangsa menerima panggilan telefon daripada suaminya mengatakan anak mereka berada di sekolah dalam keadaan selamat.



MENYAMAR PEGAWAI POLIS / MAHKAMAH

Mangsa menerima panggilan telefon seorang lelaki yang memperkenalkan dirinya sebagai inspektor dari Bukit Aman, mengatakan terbabit dalam kes penipuan di Hong Kong

Suspek menyebut nombor akaun bank dan kad pengenalan mangsa 'inspektor' itu mengatakan wang dalam akaun bank mangsa akan dibekukan jika kes ini tidak diselesaikan

Suspek mencadangkan melakukan pemindahan wang ke akaun suspek bagi menyelesaikan masalah itu (wang dibekukan)

Mangsa menyedari ditipu selepas membuat pemindahan wang

MENYAMAR PEGAWAI BANK

Mangsa menerima pesanan suara memberitahu kad kredit mangsa tamat tempoh dan memintanya menghubungi satu nombor bagi membuat pengesahan

Seorang lelaki menjawab panggilan berkenaan dan mengatakan kemungkinan ada individu menyalahgunakan nama dan nombor kad pengenalan mangsa bagi mendaftar kad kredit berkenaan

Suspek mengarahkan mangsa pergi ke mana-mana bank yang mangsa ada untuk kemas kini semula akaun

Di bank, suspek mengajar mangsa cara mengemas kini akaun dan mengarahkan mangsa memasukkan beberapa digit nombor yang tertera nama suspek

Selepas itu, mangsa mendapati wang dalam akaun banknya berkurangan

CABUTAN BERTUAH

Mangsa menerima panggilan telefon mengatakan menang cabutan bertuah RM145,739 daripada sebuah syarikat di Hong Kong

Mangsa perlu menghubungi nombor diberi untuk tuntutan

hadiah

Mangsa juga diminta membayar cukai dan insurans dengan cara memindahkan wang ke akaun suspek bagi menuntut hadiah itu

Mangsa menang satu lagi hadiah

yang lebih tinggi dan sekali lagi perlu memindahkan sejumlah wang ke akaun suspek atas alasan sama

Malangnya mangsa tidak menerima hadiah yang dijanjikan

STATISTIK MACAU SCAM

PETUNJUK

2019

2020

PERLIS

Jumlah kes	22	11
Kerugian	RM459,234	RM232,347
Tangkapan	1	5

KEDAH

Jumlah kes	108	47
Kerugian	RM3,058,182	RM1,084,372
Tangkapan	31	59

PULAU PINANG

Jumlah kes	172	132
Kerugian	RM8,525,355	RM6,959,376
Tangkapan	44	39

PERAK

Jumlah kes	132	96
Kerugian	RM4,371,307	RM5,451,223
Tangkapan	72	47

SELANGOR

Jumlah kes	501	270
Kerugian	RM37,370,539	RM36,102,342
Tangkapan	165	129

KUALA LUMPUR

Jumlah kes	382	327
Kerugian	RM22,396,066	RM33,979,999
Tangkapan	90	151

NEGERI SEMBILAN

Jumlah kes	275	157
Kerugian	RM7,947,451	RM5,075,234
Tangkapan	98	94

MELAKA

Jumlah kes	107	86
Kerugian	RM3,710,925	RM4,907,907
Tangkapan	100	35

JOHOR

Jumlah kes	319	228
Kerugian	RM12,676,057	RM14,739,358
Tangkapan	117	84

PAHANG

Jumlah kes	59	52
Kerugian	RM2,289,888	RM3,888,561
Tangkapan	14	18

TERENGGANU

Jumlah kes	109	72
Kerugian	RM3,057,981	RM2,961,249
Tangkapan	17	22

KELANTAN

Jumlah kes	118	95
Kerugian	RM4,296,415	RM4,132,883
Tangkapan	19	18

SABAH

Jumlah kes	86	55
Kerugian	RM5,766,528	RM3,533,457
Tangkapan	88	35

SARAWAK

Jumlah kes	76	110
Kerugian	RM5,926,168	RM5,626,488
Tangkapan	10	28

Jumlah kes: **2,466** | Jumlah kerugian: **RM121,855,10** | Jumlah tangkapan: **866 tangkapan**

Jumlah kes: **1,738** | Jumlah kerugian: **RM128,674,803** | Jumlah tangkapan: **734 tangkapan**